

Memahami Akal Budi Kaum Orang Asli Suku Kuala Melalui Pantun: Dari Pulau Sialu, Batu Pahat ke Sungai Layau, Kota Tinggi

Shah Rul Anuar Nordin¹, Mohd. Akbal Abdullah², Zahrul Akmal Damin³, Fauziah Ani⁴,
Lutfan Jaes⁵, Khairul Azman Mohd Suhaimy⁶, Siti Sarawati Johar⁷ &
Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar⁸

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

¹ *shahrul@uthm.edu.my*, ² *akbal@uthm.edu.my*, ³ *zahruld@uthm.edu.my*, ⁴ *fauziaha@uthm.edu.my*,
⁵ *lutfan@uthm.edu.my*, ⁶ *khairula@uthm.edu.my*, ⁷ *sarawati@uthm.edu.my*, ⁸ *khadijah@uthm.edu.my*

ABSTRAK

Terdapat pantun-pantun Melayu yang dikaitkan dengan keberadaan Pulau Sialu di Batu Pahat. Namun masyarakat pada hari ini kurang maklum dan mengetahui tentang pantun yang dikaitkan dengan Pulau Sialu tersebut. Dari segi lokasi, Pulau Sialu terletak di muara Sungai Batu Pahat dan ia diduduki oleh kaum Orang Asli suku Kuala pada suatu masa dahulu. Akan tetapi, kini kaum Orang Asli suku Kuala ini telah berhijrah ke Sungai Layau, Kota Tinggi. Perpindahan kaum ini turut membawa penghijrahan budaya berpantun dan ia memberi implikasi kepada terhadnya maklumat kepada akal budi kaum Orang Asli ini menerusi pantun. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengumpul pantun dalam kalangan Orang Asli suku Kuala dan melihat kearifan lokal kaum ini sebagaimana yang terpancar di dalam pantun. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur ke atas kaum Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau Kota Tinggi, Johor. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan hasil temubual daripada tiga orang informan. Dapatan kajian ini menunjukkan hanya tiga orang warga emas kaum Orang Asli suku Kuala yang tahu berpantun. Pembayang pantun daripada informan-informan banyak dipengaruhi oleh unsur alam sekeliling iaitu flora dan fauna yang melatari kehidupan mereka. Konklusinya, akal budi kaum Orang Asli suku Kuala jelas terpancar dalam pantun-pantun yang dipantulkan melalui cerminan berunsurkan 'alam'. Oleh itu, diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbang kepada usaha mempotretkan pantun-pantun milik kaum Orang Asli suku Kuala.

Kata Kunci: Akal Budi; Orang Asli Kuala; Pantun; Pulau Sialu.

PENGENALAN

Nama tempat seperti pulau, gunung, bukit, kampung dan negeri biasanya dijadikan pembayang dalam pantun Melayu lama (Zahir Ahmad 2005:243). Sebagai contoh pantun "Gunung Daik bercabang tiga" adalah fakta yang benar. Gunung Daik adalah gunung yang terletak di Pulau Lingga, Kepulauan Riau. Gunung ini adalah gunung tertinggi di Kepulauan Riau. Gunung Daik memiliki tiga puncak iaitu Gunung Daik, Gunung Pejantan dan Gunung Cindai Menangis. Akal

budi dan kearifan lokal masyarakat Melayu terserlah dalam pantun yang terkenal itu. Begitu juga dengan Pulau Sialu. Terdapat sekurang-kurangnya empat pantun Melayu di dalam buku kumpulan pantun lisan Melayu berjudul *Kurik Kundi Merah Saga* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006) yang menggunakan nama Pulau Sialu sebagai pembayang iaitu:

Dari Endut pergi Mersing,
Singgah berhenti *Pulau Sialu*,
Hati risau bertambah rusing,
Kepada siapa hendak mengadu?

Alu-alu *Pulau Sialu*,
Sayang Segenting Kampung Cina,
Ikan tergantung, kucing menunggu,
Belum tahu siapa yang punya.

Gunung Banang tinggi mengawan,
Nampak dari *Pulau Sialu*,
Sudah lama hati tertawan,
Hendak berkata terasa malu.

Pulau Tinggi terendak Cina,
Nampak dari *Pulau Sialu*,
Abang pergi jangan lama,
Adik duduk menanggung rindu.

Situasi ini menunjukkan Pulau Sialu amat terkenal suatu masa dahulu. Persoalannya, di manakah Pulau Sialu? Pulau Sialu adalah sebuah pulau kecil di muara Sungai Batu Pahat berdekatan kawasan rekreasi Minyak Beku di Batu Pahat. Dahulunya ia diduduki oleh Orang Laut atau Orang Asli Kuala tetapi bermula pada tahun 1963 hingga 1966 mereka telah berpindah ke tempat lain terutama ke Sungai Layau di Kota Tinggi dan Taman Seri Banang di Minyak Beku. Kini Pulau Sialu sepi tiada berpenghuni.

PERNYATAAN MASALAH

Banyak pantun Melayu yang dihubungkan dengan Pulau Sialu. Namun khalayak kurang maklum tentang pulau tersebut sebenarnya diduduki oleh Orang Asli Kuala suatu masa dahulu sebelum mereka berpindah ke Sungai Layau, Kota Tinggi. Maklumat tentang pantun Orang Asli Kuala juga amat kurang. Justeru, rentetan daripada permasalahan ini, kertas kerja ini bertujuan untuk mengumpul pantun dalam kalangan Orang Asli Kuala dan melihat kearifan lokal mereka sebagaimana yang terpancar di dalam pantun.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan hal berhubung kaedah pelaksanaan kajian terutama dalam proses untuk mendapatkan data. Ia meliputi rekabentuk kajian, persampelan kajian, instrumentasi kajian, prosedur kajian dan analisis data.

Reka Bentuk Kajian

Data-data diperolehi menerusi kaedah temubual. Bentuk temubual yang dipilih adalah temubual tidak berstruktur. Temubual jenis ini memberikan kelebihan kerana tidak semua informan memahami setiap soalan dengan maksud yang sama. Oleh itu, penggunaan soalan yang dibina

sebelum ditemubual adalah tidak perlu. Sementara menerusi pemerhatian pengkaji dapat mengamati dan merekod maklumat berhubung fenomena yang dikaji.

Persampelan Kajian

Dalam kajian ini, hanya tiga orang informan yang dikenalpasti telah memberi komitmen untuk ditemubual. Hasil daripada cadangan Ketua Jawatankuasa Kecil Kampung dan masyarakat Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau maka informan-informan ini dipilih di atas kemahiran mereka untuk berpantun secara spontan.

Instrumentasi Kajian

Instrumen yang digunapakai dalam kajian ini adalah berbentuk temubual tidak berstruktur. Sulaiman (2003) menjelaskan kaedah temubual boleh dijalankan secara lisan dan bersemuka (*face-to-face*) bagi mendapatkan data yang relevan dengan kajian. Terdapat kelebihan apabila menggunakan kaedah temubual jenis ini iaitu data yang diberikan oleh informan adalah mendalam dan informan boleh menambah maklumat melalui soalan cungkulan tambahan daripada pengkaji selain kajian ini tidak memerlukan sampel yang besar.

Prosedur Kajian

Pengkaji pada peringkat awal telah memohon izin daripada Ketua JKKK untuk melaksanakan kajian selain mendapatkan nasihat bagi mengenalpasti informan yang perlu ditemubual. Setiap informan yang dicadangkan telah dirujuk dan dimaklumkan tentang hasrat untuk ditemubual. Turut dinyatakan adalah keizinan untuk merakamkan suara semasa sesi temubual. Sejurus sebelum temubual dijalankan, pengkaji terlebih dahulu memaklumkan tentang objektif kajian kepada informan. Setelah temubual dilaksanakan, transkripsi rakaman suara temubual dibuat dalam bentuk *Microsoft Word 2013*. Akhirnya, transkripsi ini digunakan bagi tujuan meneliti dan menyaring kandungan teks.

Analisis Data

Data yang diperolehi ini diproses dan disemak oleh lapan orang pengkaji. Perjumpaan dalam kalangan ahli pengkaji dibuat sebanyak lima kali selama hampir satu jam bagi setiap satu sesi perjumpaan. Data yang ditranskrip ini kemudiannya disusun atur mengikut informan yang memberi respon. Hasil daripada data yang ditranskrip berpandukan kepada pantun ini seterusnya diberikan tema-tema utama. Maka berdasarkan tema utama, data yang diperolehi daripada tiga orang informan ini akhirnya diperbincangkan.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada analisis temubual tidak berstruktur ke atas tiga orang informan warga emas kaum Orang Asli suku Kuala telah menemui 40 buah pantun yang masih diingati. Pantun-pantun ini yang ditranskripsi dan ditulis semula telah dikategorikan kepada lapan tema. Tema-tema yang dibangunkan ini disusun berdasarkan jumlah total rangkap pantun yang dilontarkan dan temanya adalah (i) Pantun Percintaan; 14 rangkap pantun, (ii) Pantun Nasihat; 8 rangkap pantun, (iii)

Pantun Jenaka/Permainan; 5 rangkap pantun, (iv) Pantun Kepahlawanan; 4 rangkap pantun, (v) Pantun Perantauan; 3 rangkap pantun, (vi) Pantun Sindiran; 3 rangkap pantun, (vii) Pantun Kiasan/Ibarat; 2 rangkap pantun, serta (viii) Pantun Adat Resam; 1 rangkap pantun.

Pantun Percintaan

Hisap rokok tembakau Cina,
Asap keluar berbunga-bunga,
Wahai cik adik, abang nak tanya,
Cincin di jari siapa punya?

Sungguh banyak bintang di langit,
Bulan juga bawa cahaya,
Sungguh banyak wanita genit,
Adik juga di hati saya.

Kalau tuan pergi ke pajak,
Hendak menggadai buat gula,
Satu hari tuan tak nampak,
Hati di dalam bagai nak gila.

Tidak tertahan gigi ngilu,
Makan pauh sisa tupai,
Tidak tertahan hati rindu,
Jalan jauh takut tak sampai.

Sapu tangan perca merah,
Ikat mari daun selasih,
Luka tangan nampak berdarah,
Luka hati kerana kekasih.

Buah Kuini tangkai lebat,
Belum dikupas mana dahulu,
Dari jauh ku kirim surat,
Belum dibaca menangis dahulu.

Nak makan tidak berikan,
Ikan Lundu ku makan jua,
Nak berkayuh tiada bersampan,
Hati yang rindu ku tahan jua.

Indragiri pasirnya lumat,
Paya berisi dengan lokan,
Kalau nabi kasihkan umat,
Begitu saya kasihkan tuan.

Baju putih seluarnya putih,
Hendak pergi sembahyang Jumaat,
Duduk letih berdiri pun letih,
Macam orang hilang semangat.

Kiri jalan ke kanan jalan,
Tengah-tengah pohon mengkudu,
Kirim jangan pesan pun jangan,
Sama-sama menanggung rindu.

Kalau pergi ke Pulau Pinang,
Pakai baju belang putih,
Kalau hendak ke rumah tunang,
Makan sirih tak sempat digigit.

Dari pauh permatang layang,
Singgah berapat papan kemudi,
Dari jauh abang datang,
Memandang adik yang baik budi.

Bebunga awan batu berpahat,
Besi jatuh menjadi kandar,
Sekali engkau tidak ku lihat,
Hati di dalam rasa gementar.

Anak buaya terenang-renang,
Anak kucing dalam perahu,
Saya seorang terkenang-kenang,
Orang benci saya tak tahu.

Pantun Nasihat

Che' Anang pergi seberang,
Singgah membuat bubur laksa,
Emak bapa dah penat membanting tulang,
Tapi semua anak tak bertimbang rasa.

Hujan turun di pagi hari,
Orang pula berjalan kaki,
Kalau dapat suami tak pandai berdikari,
Nanti isteri cabut lari.

Tenang-tenang air di laut,
Sampan golek hanyut ke tanjung,
Bila dikenang tentu disebut,
Budi yang baik itulah dijunjung.

Masuk pajak keluar pajak,
Pakainya baju koyak rabak,
Kalau tak dengar cakap emak bapak,
Kaki lima badan tercampak.

Pantun Jenaka/ Permainan

Burung jelatik burung jeladang,
Burung tekukur terbang tinggi,
Cukur misai cukur janggut,
Nak meminang anak dara.

Ikan siakap ikan kurau,
Kalau bercakap asyik nak bergurau.

Ikan togok lawak tampok,
Air dah derau udang tak masuk,
Hari dah malam mata mengantuk,
Ambil api puntung rokok.

Buah betik buah papaya,
Masak sebiji di kayu ara,
Orang baik jangan percaya,
Itu selalu menipu daya.

Tinggi-tinggi si matahari,
Hendak meninjau pasir Melaka,
Hilang suami boleh kahwin lagi,
Hilang ibu badan binasa.

Pakai baju kainnya tiada,
Kain dijual di kedai Cina,
Buang aku tidak mengapa,
Orang ramai di atas dunia.

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Siput Kilah anjung Mat Sani,
Tempayan hanyut dari hulu,
Tidak tahu Bismillah nyanyi,
Dondang sayang ku tarik dulu.

Makan bahu perahu terbalik,
Saya jalan dulu nak balik.

Pantun Kepahlawanan

Baju hitam kancingnya tujuh,
Letak mari di dalam dulang,
Kalau engkau berani sungguh,
Ambil aku di tangan orang.

Anak pari ketipak tipak,
Ketipak mari air dalam,
Gunakan keris tikam emak bapak,
Nampak tumpul makan dalam.

Apa guna pakai kasut,
Duri lekat di tapak kaki,
Apa guna ilmu ku tuntutan,
Kalau tidak berani mati.

Ikan bawal berenang petang,
Beli sayur di tepi dewan,
Hendakku cuba di medan perang,
Hendakku habis musuh ditawan.

Pantun Perantauan

Rumah kecil tiang seribu,
Rumah besar tiang sebatang,
Dari kecil ditimang ibu,
Sudah besar ditimang gelombang.

Rumah besar tiang besar,
Rumah nenek permai suri,
Kalau tak ada hajat besar,
Buat apa datang ke mari.

Tudung saji dari Semarang,
Buat menutup si asam pauh,
Kita datang ke tempat orang,
Beribu tak ada saudara jauh.

Pantun Sindiran

Kanan kiri Kota Belanda,
Orang Aceh menanam buluh,
Memang untung kahwin janda,
Anak dah besar boleh disuruh.

Kura-kura labi-labi,
Anak buaya pandai berenang,
Singapura baru nak jadi,
Sutera jangan dicampur benang.

Pisau raut berhulu *morning*,
Sungguh *morning* berbalut timah,
Dalam laut ada gunung,
Tak ku sangka hujan di tanah.

Pantun Kiasan/Ibarat

Dari Selat ke Singapura,
Dayang kaduk aku angin,
Lemak santan lawan gula.
Baru sedar racun bermain.

Anak ikan dimakan ikan,
Ikan bernama si jarang lidi,
Hilang intan berganti intan,
Intan bernama payung negeri.

Pantun Adat Resam

Terbang enggang dipohon tinggi,
Patah ranting jatuh ke paya,
Anak dagang tak lama di sini,
Habis musim baliklah dia.

PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis kajian menunjukkan pantun di dalam masyarakat kaum Orang Asli suku Kuala berfungsi sebagai penyampaian akal budi. Lontaran pantun ini padat dengan akal budi kaum ini merangkumi elemen percintaan, nasihat, jenaka, kepahlawanan, perantauan, sindiran, kiasan dan adat resam. Hal ini dibuktikan dengan 40 rangkap pantun yang dilontarkan dan 8 skop tema yang diwujudkan. Lontaran pantun-pantun oleh Orang Asli suku Kuala ini dibuat untuk melahirkan perasaan dan pemikiran mereka setelah penat bekerja atau di dalam majlis-majlis keramaian.

Dari aspek teknikal pula, pantun Orang Asli suku Kuala memiliki bait dan di dalam bait itu terdapat empat baris yang mempunyai rima a-b-a-b. Setiap pantun ini memiliki irama dan memiliki pembayang pada baris pertama serta kedua dan maksud atau isi pada baris ketiga serta keempat. Pembayang pada baris pertama dan kedua biasanya berkaitan tentang alam yang kebanyakan bercirikan laut dan tidak mempunyai hubungan dengan baris ketiga dan keempat. Baris ketiga dan keempat merupakan isi, tujuan, makna dan mesej sebenar pantun. Selain itu ada juga pantun dua rangkap yang lebih ringkas.

Antara lain, pantun kaum Orang Asli suku Kuala ini didapati amat puitis dan mempunyai rima yang sempurna. Sebagai contoh rima sempurna pantun di bawah terletak pada baris pertama dan ketiga iaitu suku kata *rang*. Baris kedua dan keempat juga mempunyai rima sempurna iaitu suku kata *uh*.

Tudung saji dari Semarang,
Buat menutup si asam *pauh*,
Kita datang ke tempat orang,
Beribu tak ada saudara *jauh*.

Dalam hal ini, makna sebuah pantun dapat difahami setelah seseorang membaca, memahami setiap perkataan dan kiasan yang dipakai dalam pantun tersebut. Sebagai contoh pantun di bawah mengandungi makna bahawa si gadis merindui kekasihnya setiap hari.

Kalau tuan pergi ke pajak,
Hendak menggadai buat gula,
Satu hari tuan tak nampak,
Hati di dalam bagai nak gila.

Pantun-pantun yang dipaparkan dalam artikel ini jelas menggambarkan akal budi dan kearifan lokal Orang Asli suku Kuala yang secara keseluruhannya bertemakan percintaan, nasihat, jenaka, kepahlawanan, perantauan, sindiran, kiasan dan adat resam. Unsur-unsur alam iaitu tumbuhan dan haiwan atau yang berkaitan dengan laut banyak dijadikan perlambangan dalam pantun mereka. Ini dapat dibuktikan misalnya penggunaan perkataan seperti ikan siakap, ikan kurau, ikan lundu, ikan togok, siput, sampan, buaya, kura-kura dan labi-labi. Selain itu burung jelatik, burung jeladang, burung tekukur dan burung enggang juga disebut. Begitu juga nama tempat seperti Tampok, Singapura, Kota Belanda, Semarang dan Pulau Pinang.

RUMUSAN

Kesimpulannya, kaum Orang Asli suku Kuala masih mengamalkan pantun dalam budayanya. Sungguhpun demikian, individu pemantun mereka adalah terdiri daripada warga emas dan ia memerlukan golongan pelapis muda. Dari aspek kandungannya pula, pantun kaum Orang Asli suku Kuala didapati tidak banyak berbeza dengan pantun masyarakat Melayu. Proses asimilasi pantun dilihat telah berlaku kerana mereka juga bercampur gaul dengan masyarakat Melayu sekeliling. Pembayang pantun yang dicipta banyak dipengaruhi oleh unsur alam sekeliling iaitu flora dan fauna yang melatari kehidupan mereka di Pulau Sialu dan Sungai Layau.

PENGHARGAAN

Kajian “Program Dian Desa: Projek Penyelidikan dan Penulisan Masyarakat Orang Asli Sungai Layau” ini dijalankan dengan menggunakan peruntukan daripada Pejabat Pendaftar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta’zim (YPKDT) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

RUJUKAN

- Ahmad Ani. (2017, Julai 27). Temubual Personal.
 Esah Ani. (2017, Jun 8). Temubual Personal.
 Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional- Satu Pembicaraan Genre Dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Kurik Kundi Merah Saga. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tok Nin. (2017, Ogos 19). Temubual Personal.
- Zahir Ahmad. (2005). *Jurnal Pengajian Melayu*. Pantun Melayu Sebagai Manifestasi Sosio-budaya dan Pensejarahan Melayu. Jilid 16. (241-254).
- Zainal Abidin Bakar. (1984). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.